KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	13/11/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	
JABATAN	:	TNB			

TNB pastikan bekalan elektrik sepanjang PRN tidak terganggu

PETALING JAYA – Tenaga Nasional Berhad (TNB) membuat persiapan rapi bagi memastikan bekalan elektrik dalam keadaan baik di pusat pengundian dan penjumlahan undi Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka pada 20 November ini.

Syarikat utiliti nasional itu memaklumkan fokus persiapan adalah memastikan aspek teknikal, operasi dan tunggu sedia bekalan elektrik sentiasa terjamin.

Ketua (Operasi) Bahagian Distribution Network (Rangkaian Pembahagian) TNB, Mohd. Yusof Ibrahim berkata, pihaknya telah memulakan persiapan sejak awal bulan lalu demi kelancaran PRN Melaka.

"Seperti kebiasaan, kita akan pastikan gangguan yang minimum atau tidak berlaku sebarang gangguan sepanjang musim pilihan raya sehingga upacara angkat sumpah ketua menteri yang baharu.

"Persiapan TNB melibatkan pertemuan dengan pihak Suruhanjaya Pilihan Raya Negeri Melaka, Jabatan Kerja Raya Melaka dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi mendapatkan maklum balas perincian keperluan elektrik di pusat-pusat yang terlibat," katanya dalam satu kenyataan.

Tambah beliau, pelbagai inisiatif lain turut dilaksanakan, antaranya membuat penjadualan henti tugas terancang, pembaikan segera pemasangan kabel bawah tanah dan menaik taraf pencawang sedia ada kepada fasiliti yang dikawal secara automasi melalui sistem Kawalan Penyeliaan dan Pemerolehan Data Berkomputer (SCADA).

Selain itu, bilik gerakan negeri dan operasi juga diwujudkan serta warga kerja teknikal akan sentiasa dalam keadaan bersedia bagi memastikan kelancaran bekalan elektrik sepanjang proses pilihan raya.

Sementara itu, Mohd. Yusof turut mengingatkan semua parti politik yang terlibat agar tidak memasang apa jua bentuk bahan kempen di mana-mana premis dan pepasangan elektrik milik syarikat tersebut.

Berhubung larangan memasang bahan kempen di kawasan milik syarikat, beliau memberitahu, larangan itu termasuk menampal atau menggantung bahan-bahan kempen seperti poster, bendera dan sepanduk di menara penghantaran, tiang elektrik, peti pembekal, pencawang, tiang elektrik konkrit dan talian atas.

Orang ramai yang melihat situasi mengancam keselamatan orang lain atau menjejaskan bekalan elektrik, boleh menghubungi Facebook TNB CareLine atau talian 15454 agar tindakan lanjut dapat diambil segera.

Kosmo 13.11.2021_9